

04/04/2002

Israel negara pengganas (HL)

Kadir Dikoh; Wan Hazmir Bakar; Munaarfah Abu Bakar
KUALA LUMPUR, Rabu - Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) hari ini mengisytiharkan rejim Zionis Israel sebagai negara pengganas dan mendesak masyarakat antarabangsa bertindak segera terhadapnya.

Deklarasi Kuala Lumpur yang dikeluarkan sebelum Sesi Khas Menteri-menteri Luar OIC (ICFM) berakhir hari ini, meminta pihak antarabangsa mengambil tanggungjawab dalam menamatkan tindakan ketenteraan Israel dan segera berundur sepenuhnya dari wilayah yang diduduki.

Walaupun deklarasi 17 perkara itu tidak menyebut secara jelas Israel sebagai negara pengganas, ia dengan tegas mengutuk mana-mana negara yang melakukan keganasan tanpa mengira motif.

Perkara 7 deklarasi setebal lima halaman, yang diluluskan sebulat suara itu, menegaskan:

"Kami tanpa ragu-ragu mengutuk sebarang keganasan antarabangsa dalam apa jua bentuk, termasuk keganasan oleh negara tanpa mengira motif, siapa melakukannya dan mangsa, kerana keganasan mencetuskan ancaman serius kepada keamanan dan keselamatan antarabangsa serta jelas mencabuli hak asasi manusia."

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar yang juga pengerusi sesi khas itu berkata, ICFM sudah mengisytiharkan Israel sebagai negara pengganas dan hari ini mereka mengesahkan semula kedudukan itu.

"Israel sudah melakukan keganasan dalam negara. Oleh itu, Israel perlu diambil tindakan oleh masyarakat antarabangsa. Kita tidak boleh mengenakan double standard, sedangkan Israel yang memasuki dan menduduki wilayah orang lain.

"Itu keputusan yang dibuat secara konsensus," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis penutup sesi itu di Palace of The Golden Horses.

Sesi khas yang dihadiri oleh 54 daripada 57 anggota OIC itu hangat dengan isu berkaitan Palestin walaupun agenda utamanya ialah keganasan. Ini berikutan keganasan berterusan oleh Israel sehingga pemimpin Palestin, Yasser Arafat berada dalam kepungan tentera mereka di Ramallah, Tebing Barat.

Deklarasi Kuala Lumpur itu juga meminta pihak antarabangsa mengambil tanggungjawab dalam menamatkan tindakan ketenteraan Israel dan meminta pengunduran sepenuhnya dengan segera dari wilayah yang diduduki.

Kenyataan itu juga mengesahkan semula komitmen untuk menyokong hak rakyat Palestin, termasuk hak bagi pelarian untuk kembali ke tempat asal mereka, hak untuk menentukan sendiri hala tuju masa depan mereka dan sebuah negara bebas Palestin dengan Al-Quds Al-Sharif (Baitulmaqdis) sebagai ibu negeranya.

Syed Hamid berkata, ICFM turut mengeluarkan kenyataan mengutuk tindakan Israel dan mahukan rejim Zionis itu mematuhi resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Kita (ICFM) nak Israel mengundurkan semua pasukannya dari wilayah Palestin. Kita minta supaya masyarakat antarabangsa mengambil tindakan bagi menentukan Israel patuh (kepada resolusi PBB) dan tindakan keras diambil terhadap Israel.

"Kita memasukkan soal mengenakan sekatan terhadap Israel oleh masyarakat antarabangsa. Ini keputusan kita dan kita menyokong perjuangan Palestin menuntut kemerdekaan," katanya.

Berdasarkan hakikat itu katanya, ICFM menganggap tindakan Israel pada masa ini sebagai satu tindakan berbentuk keganasan negara.

Beliau menolak andaian bahawa ICFM gagal mencapai kesepakatan mengenai takrifan keganasan, termasuk takrifan tindakan berani mati rakyat Palestin.

"Perbahasan mengenai takrifan serta isu teknikal lain akan berpanjangan kerana apa yang penting ialah OIC memberi definisi tersendiri mengenai keganasan," katanya.

Beliau berkata, ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada majlis perasmian ICFM membuka laluan bagi OIC mengkaji takrifan keganasan yang boleh diterima oleh masyarakat antarabangsa sebagai pandangan rasional.

"Pandangan Perdana Menteri ialah segala bentuk keganasan mesti dikutuk dan pada masa yang sama mahu punca keganasan ditangani. Itu penting. Bila kita bincang di PBB, kita (OIC) akan kemukakan definisi kita supaya mendapat konsensus pada peringkat antarabangsa," katanya.

Beliau berkata, OIC terutama ICFM berpendapat adalah penting gambaran permuafakatan itu dicapai supaya mesejnya jelas kepada negara lain terutama kuasa besar, apatah lagi dalam keadaan kemelut di Palestin sekarang.

Mengenai saranan Iraq supaya sekatan minyak dikenakan ke atas Israel, beliau berkata perkara itu tidak dibincang dalam ICFM.

Syed Hamid berkata, Malaysia akan terus memperjuangkan nasib rakyat Palestin pada peringkat antarabangsa termasuk menerusi interaksi Dr Mahathir dengan pemimpin dunia.

Malaysia masih dilihat oleh masyarakat Islam dan Palestin sebagai sebuah negara penting dalam memperjuangkan suara Palestin di kalangan dunia Barat.

"Saya percaya Dr Mahathir, dengan pendiriannya yang terbuka dan cara percakapannya yang tidak berselindung, akan terus menyuarakan pendirian OIC dan juga Palestin sendiri," katanya.

(END)